

# MENSINTESIS STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR BMPK

*SYNTHESIZE OF MALAY LANGUAGE LEARNING STRATEGIES  
AMONG BMPK STUDENTS*

Hasnah HASSAN<sup>1</sup>  
Nurul Haniza SAMSUDIN\*<sup>2</sup>  
Simah MAMAT<sup>3</sup>

<sup>1, 2</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,  
jva180008@siswa.um.edu.my  
haniza\_85@um.edu.my  
simah@um.edu.my

Corresponding author\*

*Received: 15<sup>th</sup> August 2024*

*Accepted: 30<sup>th</sup> October 2024*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar Bahasa Ketiga di dua buah sekolah menengah yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas (BMPK). Kajian ini melibatkan 44 orang pelajar yang dipilih dari dua buah sekolah, iaitu Pusat Bahasa Kementerian Pelajaran, Bishan dan Sekolah Menengah Tampines. Kajian melalui temu bual digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data strategi pembelajaran bahasa Melayu daripada responden pelajar Bahasa Ketiga. Strategi Pembelajaran O'Malley dan Chamot (2002) merujuk metakognitif sebagai pertama, pengetahuan tentang proses kognitif dan kedua, peraturan kognitif atau pengurusan sendiri melalui proses seperti merancang, memantau dan menilai. Strategi Pembelajaran ini digunakan untuk pengelasan strategi pembelajaran Bahasa Ketiga secara mendalam. Dapatan kajian yang diperoleh melalui proses transkripsi data menunjukkan strategi pembelajaran responden pelajar dan penggunaan strategi guru lebih banyak menggunakan strategi terjemahan berbanding strategi pembelajaran yang lain. Berdasarkan dapatan temu bual responden pelajar, strategi Bertanya Untuk Penjelasan paling banyak digunakan, iaitu 23.15% manakala strategi responden guru pula strategi Kerjasama paling banyak digunakan iaitu 18.57%. Implikasi kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak yang menggubal kurikulum BMPK, pihak yang mengelolakan buku teks bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar BMPK dan pelajar-pelajar asing yang mengambil bahasa Ketiga dan juga tenaga pendidik yang mengajar BMPK.

**Kata kunci :** Strategi pembelajaran; kesilapan bahasa; kajian bilik darjah

### ABSTRACT

This study aims to analyze the learning strategies employed by Third Language students in two secondary schools offering the Special Malay Language Program (BMPK). The study involved 44 students selected from two schools: the Language Centre of the Ministry of Education, Bishan, and Tampines Secondary School. Interviews were used as an instrument to obtain data on Malay language learning strategies from Third Language student respondents. O'Malley dan Chamot (2002) Learning Strategy refers to metacognitive aspects, defined as first, knowledge of cognitive processes, and second, cognitive regulation or self-management through processes such as planning, monitoring, and evaluating. This Learning Strategy was employed to classify Third Language learning strategies in-depth. Findings from data transcription revealed that respondents predominantly used translation strategies compared to other learning strategies. Based on students' interview responses, the Asking for Clarification strategy was the most used at 23.15%, while for teachers, the Cooperation strategy was the most employed at 18.57%. The implications of this study can be beneficial to BMPK curriculum developers, Malay language textbook authors for BMPK students, foreign students studying Malay as a Third Language, and BMPK educators.

**Keywords:** learning strategies; language errors; classroom research

## Pengenalan

Landskap pendidikan abad ke-21 telah mengubah hala tuju sistem pendidikan di seluruh dunia. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah bukan hanya tertumpu kepada keperluan menghabiskan silibus pengajaran semata-mata. Sebaliknya, pelajar perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran dan latihan agar dapat menghadapi era globalisasi. Kurikulum pendidikan terutamanya bahasa Melayu perlu sentiasa mengikut peredaran zaman. Tujuannya supaya modal insan yang dilahirkan menerusi sistem pendidikan selaras dengan keperluan semasa (Ibrahim et al., 2017). Aktiviti yang berpusatkan pelajar dan perubahan kepada teknik PdP juga perlu dilakukan supaya impaknya bersesuaian dengan kehendak global. Dalam hal ini, guru harus memilih dan menggunakan teknik-teknik pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran. Strategi pembelajaran yang dipilih juga perlu mengambil kira faktor umur dan minat pelajar, serta bahan pengajaran yang hendak disampaikan (Kamaruddin, 1996). Dalam pengajaran kemahiran tatabahasa bahasa Melayu juga memerlukan teknik pengajaran yang bersesuaian. Tujuannya untuk mengasah minat dan meningkatkan keyakinan pelajar untuk menggunakan kemahiran tatabahasa dengan tepat dalam pelbagai konteks. Perbezaan keupayaan kognitif, minat dan sikap menyebabkan kesukaran memahami penggunaan imbuhan oleh pelajar. Kesukaran menguasai imbuhan telah dibincangkan secara meluas untuk menganalisis impaknya terhadap kemahiran-kemahiran bahasa pada peringkat yang lebih tinggi. Walaupun terdapat banyak teknik pengajaran bahasa Melayu seperti teknik berbincang, menghafaz, tunjuk cara, dan lain-lain, masih terdapat persoalan mengenai keberkesanan teknik ini terutamanya dalam mengajar imbuhan bahasa Melayu. Oleh itu temu bual ini mempunyai tujuan untuk menganalisis strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar Bahasa Ketiga di dua buah sekolah menengah yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas (BMPK).

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2005) telah mengenal pasti langkah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di Singapura. Visi Arif Budiman, iaitu untuk melahirkan insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat, menetapkan hala tuju bagi guru dan pelajar bahasa Melayu untuk membina kefasihan berbahasa dan penghayatan nilai dan budaya Melayu. Pengajaran bahasa Melayu di Singapura bertujuan melengkapkan setiap pelajar dengan sikap, kemahiran dan ilmu untuk menjadi insan yang berhemah serta mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Oleh itu, guru berperanan merancang dan menggunakan soalan-soalan penting untuk membimbing murid menggunakan pengetahuan sedia ada, melibatkan mereka dalam perbincangan untuk menjanakan pemahaman utama yang boleh dipindahkan melalui masa, silang disiplin dan situasi (Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Republik Singapura, 2019). Dalam peperiksaan *General Certificate of Education* Bahasa Melayu (GCE) bagi Bahasa Melayu Program Khas atau Malay Special Programme (MSP) di Peringkat Biasa atau *Ordinary Level*. Penulisan karangan merupakan komponen yang membentuk 15% daripada keseluruhan markah Kertas Peperiksaan MSP. Penggunaan kata dan frasa adjektif dalam penulisan merupakan aspek tatabahasa yang perlu digunakan oleh pelajar dalam pembinaan struktur ayat yang gramatis, terutama bagi tujuan mengarang. Imbuhan awalan *meN-* merupakan awalan bagi kata kerja yang menunjukkan perbuatan bagi sesuatu perkara. Awalan *meN-* akan membentuk kata kerja aktif, sama ada transitif atau tak transitif. Walaupun kata dasar bagi sesuatu perkataan itu terdiri daripada kata nama atau kata adjektif, apabila ia menerima imbuhan *meN-*, perkataan baharu dan berbeza maksud akan terhasil. Kesukaran menguasai rumus tatabahasa ini berlaku apabila pelajar tidak dapat

memberikan imbuhan yang tepat kepada sesuatu perkataan dan kesilapan penggunaan perkataan berimbuhan dalam ayat untuk penulisan karangan.

Oleh itu, penggunaan strategi pembelajaran yang mudah dan jelas perlu diaplikasikan dalam pembelajaran imbuhan di sekolah terutama kata dan frasa adjektif dalam kajian ini. Guru memainkan peranan penting dalam memupuk minat pelajar mempelajari tatabahasa terutamanya aspek ayat yang gramatis. Strategi pembelajaran membolehkan pelajar untuk membina sistem yang mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Terdapat dua strategi utama yang dipraktikkan oleh pelajar, iaitu strategi metakognitif dan kognitif. Dua strategi ini agak sukar untuk dipisahkan dan O'Malley dan Chamot (2002) telah mencubanya. O'Malley dan Chamot (2002) merujuk metakognitif sebagai pertama, pengetahuan tentang proses kognitif dan kedua, peraturan kognitif atau pengurusan sendiri melalui proses seperti merancang, memantau dan menilai. Strategi kognitif merujuk kepada langkah-langkah yang dilakukan dalam pembelajaran atau penyelesaian masalah yang memerlukan penganalisaan secara langsung, transformasi atau gabungan bahan pembelajaran. Kognitif terdiri daripada proses atau strategi yang mana seseorang individu itu meraih ilmu atau memahami konsep. Harus diingat bahawa ahli teori pembelajaran kognitif telah menemui banyak bukti yang menyarankan suatu pakej latihan yang mengandungi kedua-dua strategi untuk menggambarkan strategi sesuai-tugasan, arahan mengenai betapa ketarannya aktiviti tersebut dan arahan mengenai pemantauan dan kawalan strategi yang memberi kesimpulan: Pendekatan pelajar yang tanpa metakognitif merupakan pelajar tanpa arah dan kebolehan untuk memantau kemajuannya, pencapaian dan hala tujuan pembelajaran untuk masa hadapan.

### **Metodologi Kajian**

Pengkaji menjalankan kajian lapangan. Kajian ini merangkumi dua tahap, iaitu tahap kajian lapangan dan kajian sebenar. Pengkaji akan menggunakan kajian kepustakaan untuk membincangkan teori kajian lalu berkaitan konsep dan metodologi kajian. Pengkaji akan menjalankan kajian lapangan sebelum melaksanakan kajian sebenar. Dalam kajian sebenar, pengkaji menggunakan ujian pencapaian dan diikuti analisis kesilapan yang akan digunakan untuk menganalisis data yang diraih daripada kajian lapangan. Pengkaji melakukan penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji juga menggunakan penyelidikan secara kualitatif, iaitu dengan cara pemerhatian, temu bual, dan menganalisis dokumen yang berkaitan untuk mendapatkan data yang lengkap.

Pengkaji melaksanakan kajian kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan seperti teori monitor, analisis kesilapan bahasa, analisis konstrastif, BA, strategi pembelajaran, strategi pemindahan bahasa dan perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Melalui kajian kepustakaan, pengkaji meneliti bahan bercetak seperti jurnal, tesis, buku dan kertas-kertas prosiding seminar. Kajian kepustakaan ini membolehkan pengkaji mendapat gambaran awal tentang bidang kajian dengan lebih mendalam.

Pengkaji melaksanakan satu kajian lapangan di dua sebuah sekolah di Singapura yang menawarkan Bahasa Melayu Program Khas pada Januari 2021 dengan kebenaran pihak Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah yang dipilih. Sampel kajian ini terdiri daripada 44 orang pelajar Menengah Satu berumur 13 tahun yang tiada latar belakang atau pendedahan terhadap bahasa Melayu. Kajian lapangan dijalankan dengan kerjasama guru bahasa Melayu Menengah Satu. Tujuan kajian lapangan adalah untuk menentukan jenis strategi

pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar Bahasa Melayu Program Khas dalam bahasa Melayu.

Ellis (1997) juga menjelaskan bahawa strategi untuk mengkaji B2 adalah melalui pengumpulan sampel-sampel bahasa pelajar iaitu bahasa penutur B2 tersebut melalui tulisan atau lisan dan selanjutnya membuat analisis secara tuntas. Ellis menyarankan lima cara untuk mengkaji kesan pemindahan dalam bahasa penutur yang dianalisis. Namun, pengkaji akan menggunakan hanya cara kedua iaitu perbandingan ciri khusus dalam BA, B1 dan B3.

### Pemilihan Sampel Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan meneliti perkongsian para pelajar menengah satu Bahasa Melayu Program Khas di Singapura tentang analisis kesilapan. Seramai 44 responden pelajar menyatakan strategi pembelajaran mereka semasa sesi temu bual. Berdasarkan Model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) O'Malley dan Chamot (2002), bagi item 1.1.1 Penyusunan pendahuluan, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud mendapat gambaran keseluruhan tentang idea dan konsep tajuk yang bakal dipelajari melalui pembacaan sepintas lalu untuk disusun. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 3 (1.0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 23 (8.2%). Guru menggunakan strategi ini untuk menyiapkan pengajaran bagi topik-topik baharu.

Pada bahagian ini, pengkaji akan meneliti perkongsian para pelajar menengah satu BMPK di Singapura tentang strategi pembelajaran dan strategi pengajaran yang guru mereka jalankan atau kongsi. Di samping itu, pengkaji akan menganalisis juga kerelevanan Teori Behaviouris dalam strategi yang digunakan.

#### Jadual 1

Taburan Responden Mengikut Jumlah Strategi Pembelajaran Bagi Pelajar dan Guru

No	Kod Strategi Pembelajaran	Penerangan	Jumlah Pelajar	Jumlah guru
1	Strategi Metakognitif			
1.1	Perancangan			
1.1.1	Penyusunan pendahuluan	mendapat gambaran keseluruhan tentang idea dan konsep tajuk yang bakal dipelajari melalui pembacaan sepintas lalu untuk disusun.	3 (1.0%)	23 (8.2%)
1.1.2	Persediaan pendahuluan	Membuat latihan bahasa yang bakal digunakan dalam tugas lisan atau tulisan.	10 (3.5%)	14 (5.0%)
1.1.3	Perancangan penyusunan	Merancang bahagian, turutan dan idea umum yang hendak dinyatakan.	1 (0.3%)	21 (7.5%)
1.1.4	Penumpuan perhatian secara selektif	Meneliti aspek khusus dalam tugas pembelajaran serta memberi perhatian kepada kata kunci, idea frasa, petunjuk linguistik dan jenis maklumat.	1 (0.3%)	24 (8.5%)
1.1.5	Pengurusan sendiri	Mencari dan mengatur keadaan yang membantu pembelajaran.	6 (2.1%)	21 (7.5%)

## Mensintesis Strategi Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar BMPK

No	Kod Strategi Pembelajaran	Penerangan	Jumlah Pelajar	Jumlah guru
1.2	Pemantauan sendiri	Memeriksa kefahaman sendiri semasa mendengar, membaca, bertutur atau menulis sewaktu ia berlangsung.	13 (4.6%)	16 (5.7%)
1.3	Penilaian sendiri	Menilai sebaik mana diri berjaya menyempurnakan tugas pembelajaran.	8 (2.8%)	18 (6.4%)
2	Strategi Kognitif			
2.1	Menggunakan sumber	Menggunakan bahan-bahan rujukan seperti kamus, ensiklopedia, atau buku teks.	20 (7.11%)	22 (7.8%)
2.2	Mengulang	Meniru model bahasa, termasuk amalan terang-terangan dan latihan senyap.	4 (1.4%)	0 (0%)
2.3	Menyusun	Mengkategorikan perkataan, terminologi atau konsep mengikut sifat atau makna perkataan itu.	1 (0.3%)	2 (0.7%)
2.4	Deduksi	Mengaplikasikan kaedah untuk memahami konsep, menghasilkan kemahiran bahasa dan menyelesaikan masalah.	5 (1.7%)	4 (1.4%)
2.5	Menggambarkan	Menggunakan imej visual (sama ada mental atau sebenar) untuk memahami atau mengingat maklumat baharu atau menyelesaikan masalah.	12 (4.2%)	1 (0.3%)
2.6	Melambangkan pendengaran	melalui Menggambarkan atau memainkan semula dalam minda bunyian perkataan, frasa, atau fakta bagi membantu kefahaman dan mengingat semula.	0 (0%)	6 (2.1%)
2.7	Kaedah Kata Kunci	Mengingati perkataan baharu dalam kedua-dua Bahasa dengan: (1) mengenal pasti perkataan yang biasa dalam bahasa pertama yang berbunyi seperti atau jika tidak menyerupai perkataan baharu, dan (2) menjana imej yang mudah dihubungkan dengan homonim bahasa pertama dan perkataan baharu dalam bahasa kedua.	4 (1.4%)	1 (0.3%)
2.8	Menghuraikan	Menghubungkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada dan menghubungkaitkan antara bahagian-bahagian yang berbeza dalam maklumat baru.	13 (4.6%)	2 (0.7%)

No	Kod Strategi Pembelajaran	Penerangan	Jumlah Pelajar	Jumlah guru
2.9	Memindahkan	Menggunakan maklumat bahasa yang telah diketahui untuk tujuan kefahaman dan penghasilan.	31 (11.0%)	3 (1.0%)
2.10	Membuat inferens	Menggunakan maklumat dalam teks untuk meneka makna perkara-perkara baharu, meramalkan maklumat yang seterusnya bakal berlaku.	46 (16.3%)	5 (1.7%)
2.11	Mengambil nota	Mencatat kata kunci atau konsep dalam bentuk singkatan, grafik atau nombor	5 (1.7%)	2 (0.7%)
2.12	Meringkaskan	Membuat ringkasan mental, lisan, atau tulisan untuk maklumat yang diperoleh melalui pendengaran atau pembacaan.	0 (0%)	0 (0%)
2.13	Menggabungkan semula	Membina ayat yang bermakna atau urutan bahasa yang lebih panjang dengan menggabungkan elemen yang dikenali dengan cara baharu.	1 (0.3%)	6 (2.1%)
2.14	Menterjemahkan	Menggunakan bahasa pertama sebagai asas untuk memahami dan/atau menghasilkan yang bahasa kedua.	17 (6.0%)	9 (3.2%)
3	Pengantaraan Sosial			
3.1	Bertanya untuk penjelasan	Mendapatkan penerangan tambahan, penyusunan semula, contoh atau pengesahan daripada guru atau mereka yang lebih mahir.	66 (23.4%)	28 (10%)
3.2	Bekerjasama	Bekerjasama dengan rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah, menyemak tugas dan mendapatkan maklum balas.	14 (4.9%)	52 (18.5%)
		Jumlah Strategi	281	280


Seramai 44 responden pelajar menyatakan strategi pembelajaran mereka semasa sesi temu bual. Terdapat dua orang guru yang mengambil bahagian dalam kajian ini iaitu Cikgu Efan Rizal Bin Rahwom dari Sekolah Menengah Tampines dan Cikgu Azyanti Mohamed Mudakir dari MOELC. Ayat-ayat yang mengandungi beberapa kesilapan ini menurut Krashen (1978) menunjukkan wujudnya penyuntingan hasil daripada penggunaan monitor oleh pelajar semasa proses penghasilan ayat-ayat tersebut. Strategi Pembelajaran paling popular dua jenis, iaitu strategi Bertanya Untuk Penjelasan dan strategi Membuat Inferens. Strategi penghilangan pula dibahagikan kepada dua jenis strategi, iaitu strategi penghilangan kata dan strategi penghilangan imbuhan.

Kesilapan morfologi menunjukkan pelajar cuba menggunakan kosa kata daripada B2 dan kosa kata daripada B1 yang lain, iaitu bahasa Inggeris. Penggunaan monitor berlaku apabila subjek kajian menggunakan kedua-dua strategi tersebut. Apabila subjek kajian menggunakan strategi pembelajaran, iaitu strategi penggantian, strategi struktur alternatif, strategi penghilangan, dan strategi pelaziman dapat dilihat monitor masih memainkan peranannya sebagai pemantau. Hasilnya, pelajar cuba menggunakan sumber daripada B2 itu sendiri walaupun penggunaanya salah.

### Analisis Data dan Perbincangan

#### Rajah 1

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Pembelajaran Penyusunan Pendahuluan*




Berdasarkan Model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) O'Malley dan Chamot (2002), item 1.1.1 Penyusunan pendahuluan merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud mendapat gambaran keseluruhan tentang idea dan konsep tajuk yang bakal dipelajari melalui pembacaan sepintas lalu untuk disusun. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 3 (1.0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 23 (8.2%). Guru menggunakan strategi ini untuk menyiapkan pengajaran bagi topik-topik baharu.

Terdapat 41 (93.2%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala terdapat 3 (6.8%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali. Teori behavioris menekankan bahawa pembelajaran ialah hasil daripada interaksi dengan persekitaran dan penguatan tingkah laku. Dalam hal ini, jika pelajar tidak didedahkan kepada penggunaan strategi metakognitif melalui pengajaran yang berkesan, mereka mungkin tidak menganggapnya sebagai alat yang berguna dalam proses pembelajaran. Oleh itu, penguatan positif dari guru dalam menggunakan strategi ini dapat membantu pelajar memahami dan mengaplikasikannya secara lebih efektif, meningkatkan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran. Secara keseluruhan, integrasi strategi metakognitif dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan usaha kolaboratif antara guru dan pelajar, yang mana guru perlu memainkan peranan aktif dalam membimbing pelajar untuk mengenali dan menggunakan strategi ini secara berkesan. Dapatan ini disokong kajian Mat Teh dan Amin (2009). Hal ini mencadangkan agar pelajar diberi kesedaran tentang kepentingan strategi memori dan kognitif, mengadakan bengkel latihan, dan memaksimumkan penggunaan kedua-dua strategi tersebut. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Pembelajaran Persediaan Pendahuluan.



**Rajah 2**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Pembelajaran Persediaan Pendahuluan*




Bagi item 1.1.2 Persediaan pendahuluan, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud membuat latihan bahasa yang bakal digunakan dalam tugas lisan atau tulisan. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 10 (3.5%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 14 (5.0%). Sebagaimana guru, responden pelajar juga buat persediaan untuk membuat latihan bahasa.

Terdapat 35 (79.5%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, 8 (18.2%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali dan 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali. Dalam teori behavioris, penguatan positif dapat meningkatkan kemungkinan pelajar untuk memilih strategi tertentu. Dengan memberikan maklum balas positif kepada pelajar yang menggunakan strategi metakognitif, seperti persediaan pendahuluan, guru dapat mendorong lebih banyak pelajar untuk terlibat dalam strategi ini. Dapatan ini disokong kajian Hoon, Ng S., et al., (2022). Dapatan kajian ini menyediakan bukti yang menyokong bahawa strategi metakognitif boleh meningkatkan keupayaan murid dalam bacaan pemahaman. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Pembelajaran Perancangan Penyusunan.

**Rajah 3**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Pembelajaran Perancangan Penyusunan*




Bagi item 1.1.3 Perancangan penyusunan, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud merancang bahagian, turutan dan idea umum yang hendak dinyatakan. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini

ialah 1 (0.3%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 21 (7.5%). Perbezaan yang jauh ini menunjukkan bahawa guru-guru membuat perancangan bersandarkan pada sukatan pelajaran agar hasil pembelajaran tercapai.

Terdapat 43 (97.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya hanya sekali. Teori ini menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi dengan persekitaran dan penguatan. Dalam hal ini, perancangan yang dilakukan oleh guru berasaskan sukatan pelajaran dapat dilihat sebagai satu bentuk penguatan yang membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Dapatan ini disokong kajian Mat Yusoff dan Abdul Rahim (2022). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa strategi kognitif dan metakognitif saling memerlukan agar prestasi akademik pelajar dapat dimaksimumkan, kedua strategi ini harus diterapkan kerana kebanyakan data menunjukkan bahawa jika tidak dapat menguasai strategi kognitif dan metakognitif akan menyebabkan prestasi pelajar menjadi rendah. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Penumpuan Perhatian Secara Selektif.

#### Rajah 4

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Penumpuan Perhatian Secara Selektif*



Item 1.1.4 Penumpuan perhatian secara selektif, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud meneliti aspek khusus dalam tugas pembelajaran serta memberi perhatian kepada kata kunci, idea frasa, petunjuk linguistik dan jenis maklumat. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 2 (0.6%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 24 (8.5%). Jumlah responden guru ramai kerana para guru merancang pengajaran yang efektif untuk para pelajar mereka.


Terdapat 43 (97.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 2 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali. Teori Behaviouris yang menekankan perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan sebagai hasil pembelajaran boleh dikaitkan dengan penggunaan strategi metakognitif ini. Apabila guru mengajar dengan memberi tumpuan kepada aspek penting, ia dapat membantu pelajar mengubah tingkah laku mereka dengan memberi perhatian kepada maklumat yang relevan, seterusnya meningkatkan pemahaman dan pembelajaran mereka.

Dapatan ini disokong kajian Mohammad (2018). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peserta pakar dan peserta guru bersetuju bahawa Reka Bentuk Strategi Metakognitif - Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (SM-KBAT) sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu. Pelajar didapati mampu mengikuti setiap

aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Pengurusan Kendiri.

**Rajah 5**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Pengurusan Kendiri*




Item 1.1.5 Pengurusan sendiri, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud mencari dan mengatur keadaan yang membantu pembelajaran. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 6 (2.1%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 21 (7.5%). Responden pelajar tidak begitu mempraktikkan strategi ini berbanding dengan guru.

Terdapat 38 (86.4%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 6 (13.6%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris menekankan peranan persekitaran dalam mempengaruhi tingkah laku individu. Dalam konteks pembelajaran, teori ini mencadangkan guru menyediakan persekitaran yang teratur dan sistematik untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar. Ini selari dengan konsep strategi pengurusan sendiri, yang mana pelajar sendiri berusaha mengatur persekitaran pembelajaran mereka. Dapatan ini disokong kajian Hoon et al., (2022). Kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan metakognitif murid setelah dijalankan strategi metakognitif mengikut pelan intervensi yang telah ditetapkan. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Pemantauan Kendiri.

**Rajah 6**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Pemantauan Kendiri*




Item 1.2 Pemantauan sendiri, merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud memeriksa kefahaman sendiri semasa

mendengar, membaca, bertutur atau menulis sewaktu ia berlangsung. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 13 (4.6%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 16 (5.7%). Responden pelajar merupakan para pelajar yang berminat untuk belajar secara efisien.

Terdapat 32 (72.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, terdapat 11 (25%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali dan terdapat 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali. Strategi pemantauan sendiri dalam pembelajaran dapat dilihat sebagai aplikasi praktikal teori behavioris, yang mana pengukuran dan pengamatan tingkah laku menjadi kunci dalam proses pembelajaran. Dengan memahami dan menerapkan strategi ini, pelajar dapat meningkatkan kefahaman mereka secara berkesan, yang sekaligus menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif dalam konteks akademik. Dapatan ini disokong kajian Abdul Rahman (2015). Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada dalam kumpulan yang bertanggungjawab dengan tugas yang diberikan (Guardian) berbanding kumpulan yang lain (Artisan, Rational dan Idealist). Perbincangan seterusnya dalam Strategi Penilaian Kendiri.

## Rajah 7

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Penilaian Kendiri*




Item 1.3 Penilaian sendiri merupakan subitem Perancangan di bawah kategori Strategi Metakognitif. Strategi ini bermaksud menilai sebaik mana diri berjaya menyempurnakan tugas pembelajaran. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 8 (2.8%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 18 (6.4%). Responden guru lebih banyak kerana mereka sudah dilatih untuk menilai untuk mencapai kejayaan.

Terdapat 36 (81.8%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 8 (18.2%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris yang sesuai untuk membuktikan strategi penilaian sendiri dalam teks ini adalah teori pengukuhan (reinforcement theory) oleh Skinner dalam buku Nik Abdul Kadir (2003). Menurut teori ini, tingkah laku yang diberi ganjaran atau pengukuhan akan cenderung diulangi, manakala tingkah laku yang tidak diberi pengukuhan akan berkurangan. Oleh itu, teori pengukuhan B.F. Skinner dapat menjelaskan mengapa responden guru lebih banyak menggunakan strategi penilaian sendiri berbanding responden pelajar. Pengalaman positif dan negatif yang diperoleh daripada penggunaan strategi ini bertindak sebagai pengukuhan yang menguatkan lagi penggunaannya pada masa hadapan. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menggunakan Sumber.

**Rajah 8**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Menggunakan Sumber*




Item 2.1 Menggunakan sumber merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggunakan bahan-bahan rujukan seperti kamus, ensiklopedia, atau buku teks. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 20 (7.11%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 22 (7.8%). Kedua-dua responden mementingkan strategi ini supaya pembelajaran lebih bermakna.

Terdapat 30 (68.2%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, 8 (18.2%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali dan 6 (13.6%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali. Teori behavioris, yang dipelopori oleh tokoh seperti B.F. Skinner dan Ivan Pavlov, menekankan pentingnya pengukuhan dalam pembelajaran. Teori ini berfokus pada perubahan tingkah laku yang dapat diukur sebagai hasil dari penguatan dan rangsangan. Dalam hal ini, penggunaan bahan rujukan seperti kamus, ensiklopedia, atau buku teks dapat dilihat sebagai stimulus yang mempengaruhi tingkah laku pelajar dan guru dalam proses pembelajaran. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Mengulang.

**Rajah 9**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Mengulang*




Item 2.2 Mengulang, merupakan di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud meniru model bahasa, termasuk amalan terang-terangan dan latihan senyap. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 4 (1.4%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 0 (0%). Responden guru tidak menggunakan strategi kerana mereka sudah lama berkecimpung dalam bidang perguruan ini.

Terdapat 40 (90.9%) responden idak memilih strategi ini manakala 4 (9.1%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris juga menekankan pentingnya pembiasaan dan penguatan yang konsisten. Jika strategi mengulang diterapkan secara konsisten dan diperkuat secara positif, maka kemungkinan pelajar untuk terus menggunakan strategi ini akan semakin besar. Teori behavioris sebagai hasil dari proses pembelajaran dan pembiasaan yang telah terjadi selama bertahun-tahun pengalaman mengajar, guru telah membiasakan diri dengan strategi-strategi lain yang lebih efektif bagi mereka, sehingga strategi mengulang tidak lagi menjadi pilihan utama guru itu. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menyusun.

### Rajah 10

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Menyusun*




Item 2.3 Menyusun merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud mengkategorikan perkataan, terminologi atau konsep mengikut sifat atau makna perkataan itu. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 1 (0.3%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 2 (0.7%).

Terdapat 43 (97.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris memberikan kerangka yang berguna untuk memahami cara-cara strategi penyusunan dapat diperkuat dalam konteks pengukuhan. Strategi penyusunan yang melibatkan pengkategorian perkataan atau konsep berdasarkan sifat atau makna dapat dilihat sebagai satu bentuk pembelajaran yang dipengaruhi oleh pengukuhan. Dapatan ini disokong kajian Cheah & Hiew (2022). Kajian ini membuktikan bahawa dengan mengatasi cabaran yang dihadapi oleh guru, pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan mampu meningkatkan kemahiran berfikir kritis pelajar. Penggunaan strategi ini oleh pelajar dan guru boleh dijelaskan melalui prinsip pengukuhan positif. Contohnya, apabila pelajar menggunakan strategi penyusunan dengan betul, mereka mungkin menerima pujian atau pengiktirafan daripada guru. Ini akan meningkatkan kemungkinan mereka untuk menggunakan strategi tersebut lagi pada masa hadapan. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Deduksi.

**Rajah 11**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Deduksi*




Item 2.4 Deduksi, merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud mengaplikasikan kaedah untuk memahami konsep, menghasilkan kemahiran bahasa dan menyelesaikan masalah. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 5 (1.7%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 4 (1.4%).

Terdapat 39 (88.6%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 5 (11.4%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris menyatakan bahwa pembelajaran boleh berlaku melalui pengalaman langsung. Dalam strategi deduksi, pelajar dapat digalakkan untuk mengaitkan pengalaman mereka dengan hukum atau teori yang diajarkan, sehingga memudahkan mereka dalam memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep tersebut. Dapatan ini disokong kajian Taisin (2018). Dapatan ini menunjukkan keberkesanan pengajaran guru bukan sahaja mampu mendorong murid menguasai kemahiran dalam subjek bahasa Kadazandusun malah murid mampu mengaplikasikannya sehingga mendorong pembinaan tingkah laku yang baharu. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menggambarkan.

**Rajah 11**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Deduksi*




Item 2.5 merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggunakan imej visual (sama ada mental atau sebenar) untuk memahami atau mengingat maklumat baharu atau menyelesaikan masalah. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 12 (4.2%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini

sejumlah 1 (0.3%). Responden pelajar masih memerlukan imejan sebagai satu strategi pembelajaran.

Seramai 35 (79.5%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, terdapat 7 (15.9%) responden pelajar memilihnya hanya 1 kali, terdapat 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali dan terdapat 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 3 kali. Berdasarkan Teori Behavioris, pembelajaran bermula apabila terdapat rangsangan yang mencetuskan tindak balas. Imej visual berfungsi sebagai rangsangan yang dapat menarik perhatian pelajar dan membantu mereka mengaitkan maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada. Contohnya, jika pelajar melihat imej yang relevan dengan topik yang dipelajari, mereka lebih cenderung untuk memberi tindak balas positif, seperti peningkatan pemahaman atau minat terhadap subjek tersebut. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Melambangkan Melalui Pendengaran.

### Rajah 13

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Melambangkan Melalui Pendengaran*




Item 2.6 Melambangkan melalui pendengaran merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggambarkan atau memainkan semula dalam minda bunyian perkataan, frasa, atau fakta bagi membantu kefahaman dan mengingati semula. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 0 (0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 6 (2.1%). Terdapat 44 (100%) responden pelajar tidak memilih strategi ini. Tiada responden pelajar yang memilih strategi ini. Teori Behavioris berpendapat bahawa jika suatu tingkah laku tidak diikuti dengan ganjaran atau penguatan, maka tingkah laku tersebut cenderung untuk tidak diulang. Oleh itu, dalam situasi ini, kurangnya penggunaan strategi ini oleh pelajar mungkin disebabkan oleh kurangnya rangsangan atau penguatan yang positif dari guru atau persekitaran pembelajaran mereka. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Kaedah Kata Kunci.



**Rajah 14**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Kaedah Kata Kunci*




Item 2.7 Kaedah Kata Kunci merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud mengingatkan perkataan baharu dalam kedua-dua Bahasa dengan pertama mengenal pasti perkataan yang biasa dalam bahasa pertama yang berbunyi seperti atau jika tidak menyerupai perkataan baharu, dan kedua menjana imej yang mudah dihubungkan dengan homonim bahasa pertama dan perkataan baharu dalam bahasa kedua. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 4 (1.4%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 1 (0.3%).

Terdapat 40 (90.9%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 4 (9.1%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 sekali. Strategi Kata Kunci boleh dilihat sebagai aplikasi praktikal dari teori behavioris dalam pengajaran bahasa. Dengan menekankan pengulangan dan pengukuhan melalui latihan, strategi ini berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam mengingat dan menggunakan perkataan baharu dalam bahasa kedua. Dapatan ini disokong kajian Juwairiah Osman et al. (2018). Dapatan ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan topik yang berkaitan rapat dengan pengalaman kehidupan pelajar adalah lebih berkesan bagi membantu mereka menguasai dan bertutur dalam bahasa Melayu. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menghuraikan.

**Rajah 15**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Menghurai*




Item 2.8 Menghuraikan merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menghubungkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada

dan menghubungkaitkan antara bahagian-bahagian yang berbeza dalam maklumat baharu. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden ialah 13 (4.6%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 2 (0.7%). Strategi ini lebih popular kepada responden pelajar.

Terdapat 31 (70.5%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala 13 (29.5%) responden pelajar memilihnya hanya 1 sekali. Strategi menghuraikan tidak ditekankan secara langsung dalam Teori Behavioris, namun ia selaras dengan prinsip-prinsip asas teori ini seperti pengukuhan positif, pengulangan dan perubahan tingkah laku. Penggunaan strategi ini secara berulang-ulang akan membantu pelajar menguasai kosa kata dengan lebih baik. Kajian ini disokong kajian Mohd Afandi et al. (2023). Kajian ini mendapati bahawa strategi kognitif wajar dipraktikkan dalam proses pembelajaran kosa kata kerana mempunyai tahap relevansi yang tinggi. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Memindahkan.

### Rajah 16

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Memindahkan*




Item 2.9 Memindahkan merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggunakan maklumat bahasa yang telah diketahui untuk tujuan kefahaman dan penghasilan. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ialah 33 (11.0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 3 (1.0%). Responden pelajar lebih suka strategi ini pengalaman mereka dengan maklumat bahasa lebih awal daripada bahasa yang dipelajari ini.

Terdapat 20 (45.5%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, 17 (38.6%) responden pelajar memilihnya hanya 1 kali dan 7 (15.9%) responden pelajar memilihnya sebanyak 2 kali. Teori Behavioris menekankan kepentingan pengukuhan untuk menguatkan gerak balas yang diinginkan. Dalam konteks strategi memindahkan, pengukuhan boleh datang dalam bentuk ganjaran atau maklum balas positif daripada guru atau rakan sebaya apabila pelajar berjaya memindahkan pengetahuan bahasa sedia ada untuk memahami atau menghasilkan bahasa yang baharu. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Membuat Inferens.

**Rajah 17**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Membuat Inferens*




Item 2.10 Membuat inferens, merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggunakan maklumat dalam teks untuk meneka makna perkara-perkara baharu, meramalkan maklumat yang seterusnya bakal berlaku. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 46 (16.3%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 5 (1.7%). Responden pelajar adalah pelajar yang serious dengan pembelajaran mereka.

Terdapat 23 (52.3%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, 8 (18.2%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali, 5 (11.4%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali, terdapat 6 (13.6%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 3 kali, dan terdapat 2 (4.5%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 5 kali. Teori behaviorisme menekankan pentingnya pengukuran untuk melihat terjadinya perubahan tingkah laku. Dalam konteks strategi membuat inferens, jumlah penggunaan strategi ini oleh pelajar dapat diukur. Semakin sering pelajar memilih strategi ini, menunjukkan semakin terlatihnya kemampuan mereka dalam membuat inferens. Kajian ini disokong kajian Tee dan Amran (2021). Kajian ini mengkaji pembelajaran koperatif Jigsaw iaitu salah satu amalan pedagogi yang mementingkan komponen sosialisasi dan budaya perkongsian ilmu sesama pelajar. Melalui budaya kerjasama, pelajar dapat mencapai matlamat dan menyelesaikan masalah yang tidak dapat diatasi secara bersendirian. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Mengambil Nota.

**Rajah 18**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Mengambil Nota*




Item 2.11 Mengambil nota merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud mencatat kata kunci atau konsep dalam bentuk singkatan, grafik atau nombor. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 5 (1.7%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 2 (0.7%).

Terdapat 40 (90.9%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, terdapat 3 (6.8%) responden pelajar memilihnya hanya 1 kali dan 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 2 kali. Dalam teori behavioris, pengukuhan positif adalah salah satu cara untuk memotivasi tingkah laku tertentu. Dalam hal ini, jika pelajar menggunakan strategi mengambil nota dan mendapati bahawa ia membantu mereka memahami dan mengingat maklumat dengan lebih baik, mereka mungkin akan lebih cenderung untuk mengulangi tingkah laku tersebut di masa hadapan. Sebagai contoh, jika seorang pelajar mencatat nota dengan baik dan mendapat keputusan yang baik dalam ujian, pengalaman positif ini akan mengukuhkan penggunaan strategi tersebut. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Meringkaskan.

### Rajah 19

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Meringkaskan*




Item 2.12 Meringkaskan merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud membuat ringkasan mental, lisan, atau tulisan untuk maklumat yang diperoleh melalui pendengaran atau pembacaan. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 0 (0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 0 (0%). Kedua-dua responden ini tidak mempraktikkan langsung.

Terdapat 44 (100%) responden pelajar tidak memilih strategi ini. Tidak ada responden pelajar memilih strategi ini. Teori behavioris menekankan peranan ganjaran, pembiasaan dan pengurangan rangsangan dalam membentuk tingkah laku. Jika guru dan pelajar tidak mempraktikkan strategi meringkaskan dan tidak mendapat ganjaran daripadanya, maka mereka kurang cenderung untuk menggunakannya. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menggabungkan Semula.

**Rajah 20**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Menggabungkan Semula*




Item 2.13 Penggabungan semula merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud membina ayat yang bermakna atau urutan bahasa yang lebih panjang dengan menggabungkan elemen yang dikenali dengan cara baharu. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 1 (0.3%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 6 (2.1%).

Terdapat 43 (97.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini manakala terdapat 1 (2.3%) responden pelajar memilihnya hanya 1 sekali. Teori behavioris menekankan peranan persekitaran dalam mempengaruhi tingkah laku. Jika persekitaran pembelajaran seperti suasana kelas, bahan bantu mengajar, dan interaksi guru-pelajar tidak menggalakkan penggunaan strategi penggabungan semula, kemungkinan pelajar tidak akan menggunakannya. Persekitaran yang tidak kondusif menyebabkan strategi ini tidak diperkukuhkan dalam diri pelajar. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Menterjemahkan.

**Rajah 21**

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Menterjemahkan*




Item 2.14 Menterjemahkan merupakan subitem di bawah kategori Strategi Kognitif. Strategi ini bermaksud menggunakan bahasa pertama sebagai asas untuk memahami dan/atau menghasilkan bahasa kedua. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 17 (6.0%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 9 (3.2%). Responden pelajar harus berminat untuk menjawab maka strategi ini digunakan.

Terdapat 33 (75%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, terdapat 8 (18.2%) responden pelajar memilihnya hanya 1 kali, 1 (2.3%) responden pelajar memilihnya sebanyak

2 kali, terdapat 1 (2.3%) responden pelajar memilihnya sebanyak 3 kali dan terdapat 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 4 kali. Dalam kerangka teori behavioris, penggunaan strategi menterjemahkan dapat dilihat sebagai respons terhadap rangsangan tertentu dalam proses pembelajaran. Teori behavioris menekankan pentingnya pengulangan dalam pembelajaran. Pelajar yang memilih untuk menterjemahkan beberapa kali (seperti yang ditunjukkan oleh responden yang memilihnya 2 hingga 4 kali) mungkin telah memperoleh manfaat dari pengulangan ini, meskipun jumlahnya kecil. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Bertanya Untuk Penjelasan.

## Rajah 22

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Bertanya Untuk Penjelasan*



Item 3.1 Bertanya untuk penjelasan merupakan subitem di bawah kategori Strategi Pengantaraan Sosial. Strategi ini bermaksud mendapatkan penerangan tambahan, penyusunan semula, contoh atau pengesahan daripada guru atau mereka yang lebih mahir. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ini ialah 66 (23.4%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 28 (10%). Strategi ini paling banyak digunakan kerana mereka sangat berminat untuk mempelajari bahasa Ketiga ini.


Terdapat 13 (29.5%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, terdapat 9 (20.5%) responden pelajar memilihnya hanya 1 kali, terdapat 12 (27.3%) responden pelajar memilihnya sebanyak 2 kali, 8 (18.2%) responden pelajar memilihnya sebanyak 3 kali, 1 (2.3%) responden pelajar memilihnya sebanyak 4 kali dan 1 (2.3%) responden pelajar memilihnya sebanyak 5 kali. Teori behaviorisme, yang dikembangkan oleh tokoh seperti B. F. Skinner, menekankan bahawa pembelajaran terjadi melalui penguatan dan rangsangan yang mempengaruhi tingkah laku individu. Dalam konteks strategi 'Bertanya untuk Penjelasan' yang digunakan dalam pembelajaran bahasa ketiga, teori ini dapat diterapkan untuk memahami bagaimana interaksi antara guru dan pelajar dapat mempengaruhi proses pembelajaran. Ketika guru mengajukan pertanyaan, mereka menciptakan rangsangan yang mendorong pelajar untuk memberikan jawaban atau penjelasan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan peluang yang diberikan oleh guru, strategi interaksi berkesan seperti kaedah pengulangan, penggunaan dwibahasa dan *parallel talk* dapat meningkatkan interaksi Bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan peluang yang diberikan oleh guru, strategi interaksi berkesan seperti kaedah pengulangan, penggunaan dwi bahasa dan *parallel talk* dapat meningkatkan interaksi Bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan peluang yang diberikan oleh guru, strategi interaksi berkesan seperti kaedah pengulangan, penggunaan dwibahasa dan *parallel*

*talk* dapat meningkatkan interaksi Bahasa Inggeris. Perbincangan seterusnya dalam Strategi Bekerjasama.

### Rajah 23

*Jumlah Responden Pelajar Bagi Strategi Bekerjasama*



Item 3.2 Bekerjasama merupakan subitem di bawah kategori Strategi Pengantaraan Sosial. Strategi ini bermaksud bekerjasama dengan rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah, menyemak tugas dan mendapatkan maklum balas. Jumlah penggunaan strategi ini bagi responden pelajar ialah 14 (4.9%) manakala jumlah penggunaan responden guru ini sejumlah 52 (18.5%). Responden pelajar masih memerlukan untuk mempelajari cara belajar secara berkumpulan sebagai satu strategi meraih ilmu. Terdapat 32 (72.7%) responden pelajar tidak memilih strategi ini, 11 (25%) responden pelajar yang memilihnya hanya 1 kali dan 1 (2.3%) responden pelajar yang memilihnya sebanyak 1 kali. Teori behaviorisme menekankan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku yang dapat diamati, yang terbentuk melalui rangsangan dan gerak balas. Pemberian penguatan positif seperti pujian, hadiah atau nilai tambahan ketika pelajar bekerjasama dengan baik, akan meningkatkan kemungkinan perilaku tersebut diulang pada masa depan.

Kajian ini disokong kajian Yunos et al. (2014) menggabungkan strategi pembelajaran kolaboratif dalam persekitaran autentik, dengan pelaksanaan bersama teknologi berkomputer iaitu melalui Apps Autentik Kolaboratik Skrin Sentuh Sains (AKSES) yang memberi penekanan serta mempraktikkan kemahiran proses sains asas pelajar (memerhati, mengelaskan dan berkomunikasi), dalam menyokong kepada peningkatan tahap Kefahaman dan pencapaian pelajar. Kesimpulannya, strategi pembelajaran responden pelajar masih dalam proses asas untuk mempelajari sesuatu bahasa yang mana mereka lebih suka mendapatkan pengesahan daripada guru atau mereka yang lebih mahir.

### Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan pembelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan strategi yang dipilih seperti menterjemahkan dan memindahkan bahasa dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dalam membina ayat-ayat yang gramatis. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa strategi-strategi yang diamalkan untuk meningkatkan kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dalam pembelajaran BM. Dapatan kajian ini juga dapat membekalkan beberapa maklumat untuk penggubal dasar, pentadbir sekolah, perancang dan pelaksana kurikulum bagi membantu para pihak kementerian, pihak sekolah dan guru mereka bentuk program yang lebih berkesan. Secara keseluruhannya kajian ini telah

membuktikan keberkesanan strategi yang dipilih dapat membantu mereka membina ayat-ayat yang gramatis. Seterusnya para responden pelajar dapat menjawab soalan penulisan, bahagian membina ayat dan membantu meningkatkan prestasi pencapaian ujian bahasa Melayu yang mereka duduki.

### Rujukan

- Abdul Rahman, N. (2015). *Tahap kesediaan terhadap pembelajaran arahan sendiri dan hubungannya dengan jenis psikologi pelajar kolej komuniti di Pulau Pinang*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Univesiti Sains Malaysia.
- Cheah, K. S., & Hiew, Y. F. (2022). Penerokaan strategi guru untuk menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar di dua sekolah vernakular cina, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(3), 50-67.
- Ellis, R. (1997). *Second language acquisition*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Ibrahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Kamaruddin, H. (1996). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Krashen, S. & Scarcella, R. (1978). On routines and patterns in language acquisition and performance. *Language learning*, 28(2), 283-300.
- Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu 2005, Kementerian Pendidikan Republik Singapura Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2005).
- O'Malley, J. M. & Chamot, A. U. (2002). *Learning strtaegies in second language acquisition*. Cambaridge University Press.
- Mat Teh, K. S. & Amin, M. (2009). Strategi memori dan kognitif: Penggunaannya dalam pembelajaran bahasa Arab. *Malaysian Education Deans' Council Journal*, 3(1), 76-86.
- Mat Yusoff, A. & Abdul Rahim, M. H. (2022). Kesan strategi metakognitif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran belajar: A systematic literature review. *International Journal of Management, Accounting, Governance and Education*, 1(3), 29-40.
- Mohammad, M. (2018). Mereka bentuk strategi metakognitif berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi untuk pengajaran dan pembelajaran bacaan Bahasa Melayu (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Afandi, A. N., Zaini, A. R., & Norul'Azmi, N. A. (2023). Strategi Kognitif Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Relevansi dan Impak. e-*Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(1), 63-74.
- Nik Abdul Kadir, N. H. B. (2003). *Teori bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Taisin, N. J. (2018). Keberkesanan teknik pengajaran dan Pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun sekolah rendah. e-*Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 363-376.



- Tee, Y. H. & Amran, M. S. (2021). Tinjauan sistematik pembelajaran koperatif menggunakan kaedah jigsaw dalam penulisan bahasa. *Sains Insani*, 6(2).
- Yunos, M., Akmal, M. A., & Atan, N. A. (2014). Strategi pembelajaran kolaboratif dalam persekitaran autentik bagi pembentukan kemahiran proses sains asas prasekolah menerusi Teknologi Apps. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 11-13.